

# Malaysia perlu reformasi sistem persaraan, rangka kerja pencen

Satu daripada 4 pencarum habiskan simpanan KWSP dalam tempoh 5 tahun selepas pengeluaran

Oleh Mahanum Abd Aziz dan Alzahrin Alias  
bhbiz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia memerlukan reformasi sistem persaraan dan rangka kerja pencen sebelum mencapai status negara menua.

Pembaharuan itu perlu kerana ketika ini hanya 29 peratus rakyat mempunyai pencen atau pendapatan seperti pencen apabila bersara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, data Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menunjukkan satu daripada empat pencarum sudah menghabiskan simpanan KWSP mereka dalam tempoh lima tahun selepas mencapai umur pengeluaran.

Kedua itu katanya, menyebabkan ramai rakyat Malaysia tidak dapat mengekalkan taraf hidup yang munasabah ketika bersara atau menguruskan risiko apabila umur panjang.

Ini menjadikan penduduk berusia lebih terdedah kepada kemiskinan.

Menurut Perdana Menteri, tinjauan KWSP baru-baru ini juga mendapati 26.1 peratus daripada responden berumur 60 tahun ke atas terus bekerja sehingga kesihatan mereka tidak mengizinkan untuk bekerja.



Anwar bersama Fadillah, Amir Hamzah dan Loke ketika merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa (ISWC) 2024 anjuran KWSP di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/bh)

"Ini kerana mereka menghadapi cabaran dalam mencapai jaminan pendapatan untuk membiayai keperluan persaraan mereka. Justeru, kita perlu mencari pembaharuan dalam rangka kerja pencen bagi memastikan setiap generasi menjadi tua dengan martabat.

"Sudah sampai masanya Malaysia menerima pembaharuan yang rangka kerja pencen dan persaraan yang serius untuk meningkatkan perlindungan, kecukupan dan kemampuan.

"Ini bagi memastikan keselamatan kewangan dan ekuiti untuk semua rakyat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang positif," katanya merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa (ISWC) 2024 anjuran KWSP, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yu-

sof; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Anwar berkata, penyelesaian baharu diperlukan untuk memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan dan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada perlindungan sosial.

"KWSP perlu memperluaskan perlindungan mereka supaya lebih ramai penduduk bekerja akan menjadi sebahagian daripada ekosistemnya, sekali gus memastikan lebih ramai rakyat mampu mengumpul simpanan persaraan yang mencukupi," katanya.

## Perkasa bantuan sosial

Kerajaan juga menurut Perdana Menteri bercadang memperkuatkan dua tonggak perlindungan sosial bagi memastikan kehidupan rakyat dapat dipertingkatkan.

Katanya, langkah itu seiring

dengan kerangka Ekonomi MADANI di mana kerajaan berhasrat untuk menaikkan kedua-dua siling dan lantai ekonomi, memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi memberi manfaat kepada lebih ramai rakyat dan tiada yang tertinggal.

"Kerajaan akan memperkaskan lagi program bantuan sosial untuk menyediakan sokongan dan jaringan keselamatan untuk rakyat yang menghadapi masalah kewangan.

"Sebagai contoh, tahun ini kerajaan menambah baik Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dengan meluaskan skop penerima yang layak dan meningkatkan jumlah faedahnya," katanya.

Anwar juga menggesa pihak swasta turut terbabit dalam pembangunan produk dan penyelesaian warga emas atau *silver economy*.

*Silver economy* merujuk seg-

men ekonomi berkaitan populasi dewasa lanjut usia atau penuaan.

Beliau berkata, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) seperti KWSP, Khazanah Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) sudah menerajui pelaburan dalam usaha niaga yang disasarkan membangunkan *silver economy* di Malaysia.

"Kita mahu lebih banyak syarikat swasta dalam sektor kritikal seperti penjagaan kesihatan, farmaseutikal dan infrastruktur yang kondusif kepada penuaan aktif.

"Dengan memperuntukkan sumber ke arah itu, Malaysia boleh meletakkan dirinya untuk memanfaatkan potensi pasaran yang berkembang pesat, dianggarkan bernilai AS\$15 trilion.

"Perkara ini didorong keperluan dan keutamaan asas pengguna yang semakin tua," katanya.